

Angka Giliran : _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002 / 2003

Februari/Mac 2003

JMK 101 – Pengantar Kesusasteraan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Anda perlu menjawab TIGA (3) soalan kesemuanya. SOALAN 1 daripada Bahagian A dan SOALAN 2 daripada Bahagian B **WAJIB DIJAWAB** dan tiada pilihan. Kemudian anda perlu menjawab SATU soalan sahaja daripada Bahagian C.

Gunakan Borang ‘OMR’ yang disediakan untuk merakamkan jawapan Bahagian A (Soalan Objektif), dan gunakan ruangan bergaris di dalam Kertas Peperiksaan ini untuk jawapan Bahagian B dan Bahagian C.

Anda **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar / membawa pulang kertas soalan ini di akhir tempoh peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

KEMBALIKAN kertas peperiksaan ini dalam keadaan yang lengkap (iaitu tidak diceraikan mana-mana halaman / bahagiannya) kepada Ketua Pengawas / Pengawas Bertugas bersama-sama dengan Borang ‘OMR’ anda di akhir tempoh peperiksaan ini.

KETUA PENGAWAS

Sila pastikan bahawa semua kertas peperiksaan ini dikembalikan kepada tuan/puan dalam keadaan lengkap (iaitu tidak diceraikan mana-mana halaman/bahagiannya) dan mana-mana kertas soalan yang berlebihan untuk dikembalikan kepada Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pendaftar, USM.

Bahagian A (Anda **WAJIB** menjawab SOALAN 1 di Bahagian ini.)

SOALAN 1

Jawab SEMUA SOALAN yang dibentangkan sebagai *ITEM-ITEM* (1) hingga (40) di bawah ini. *Item-Item* (1) hingga (30) berjumlah 30 markah; dan *Item-Item* (31) hingga (40) berjumlah 20 markah. **Gunakan Borang 'OMR'** untuk merakamkan jawapan anda. Bagi setiap Perkara atau Item yang berikut, pilih SATU jawapan sahaja yang anda fikirkan sebagai betul atau paling tepat, daripada beberapa -- iaitu (A) hingga (D) yang disenaraikan:

1. Fenomena kesusasteraan wujud dalam setiap masyarakat manusia di dunia ini. Dalam konteks Alam Melayu / Nusantara, 'kesusasteraan' meliputi:
 - A. Hasil seni orang Melayu, yang mengandungi unsur-unsur rekaan mahu pun realiti hidup sezaman, dan memperkayakan lagi khazanah bahasa Melayu.
 - B. Hasil seni yang menceritakan atau memperkatakan sesuatu, menerusi penggunaan bahasa yang indah dan menarik, menurut bentuk yang nyata.
 - C. Hasil seni orang Melayu, yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan hiburan, yang diwarisi dan diperturunkan melalui perantaraan bahasa.
 - D. Hasil seni yang menggabungkan penggunaan bahasa dan bukan-bahasa, yang indah menurut bentuk diwarisi, untuk tujuan menghibur.

2. Dalam diskusi akademik, istilah 'kesusasteraan' telah didefinisikan menurut beberapa sudut pandangan yang menyentuh aspek 'penulisan'. Menurut Welles dan Warren pula, 'kesusasteraan' (*literature*) lebih tepat diterima pakai untuk karya-karya kreatif tertulis, yang sekaligus menonjolkan sifat seperti berikut:
 - A. Fungsi imajinasinya lebih ketara daripada fungsi-fungsi lain.
 - B. Fungsi estetikanya lebih dominan daripada fungsi-fungsi lain.
 - C. Fungsi kreatifnya lebih dominan daripada fungsi-fungsi lain.
 - D. Fungsi khayalan *futuristic* lebih ketara daripada fungsi-fungsi lain.

3. Dalam diskusi ilmiah tentang kesusasteraan, istilah 'sastera rakyat' lazimnya dikhususkan kepada sesuatu, iaitu:
 - A. Khazanah sastera warisan, yang diperkayakan oleh unsur budaya rakyat.
 - B. Semua khazanah sastera, yang hidup subur di kalangan semua lapisan rakyat.
 - C. Khazanah sastera warisan, yang diperkayakan oleh kreativiti penglipur lara.
 - D. Semua sastera lisan dan tradisional, yang tidak dikenali pencipta asalnya.

4. Dalam sejarah bidang atau disiplin Kesusasteraan, terdapat dua orang tokoh zaman Klasik, iaitu Aristotle (dari Yunani) dan Horace (dari Romawi). Mereka terkenal terutamanya sebagai:
- A. Tokoh-tokoh yang mengasaskan teori *genre* Yunani kuno.
 - B. Tokoh-tokoh yang mengasaskan teori *genre* klasik.
 - C. Tokoh-tokoh yang mengasaskan teori sastera *neo*-klasik.
 - D. Tokoh-tokoh yang mengumpul karya-karya Epik klasik.
5. Dalam perbincangan Teori Kesusasteraan moden peringkat awal, pembahagian karya-karya sastera tertumpu kepada tiga 'jenis' atau *genre* - iaitu prosa, puisi dan drama. Pembahagian ini diasaskan kepada faktor-faktor seperti:
- A. *Mode* pemakaian bahasa; bentuk secara keseluruhan; dan gaya persembahan.
 - B. Perbezaan bahasa; persamaan unsur-unsur intrinsik; gaya pembentangan.
 - C. *Mode* bahasa baku; bentuk yang baku; gaya penyampaian yang unik.
 - D. Perbezaan unsur bentuk; perbezaan tanggapan audiens; gaya yang unik.
6. Dalam Teori Sastera zaman Klasik, perbincangan tentang *genre* (jenis) karya zaman tersebut sering ditumpukan kepada persoalan-persoalan tentang bentuk (*form*) dan *mode* perwarisannya. Di antara unsur-unsur yang diutamakan itu ialah:
- A. Kemantapan ciri-ciri intrinsik; penurunan / transmisi dari generasi ke generasi; saling membezakan ciri-ciri bentuk yang asal dan yang disadur.
 - B. Kemantapan bentuk luaran; penurunan / transmisi secara turun temurun; & saling membezakan ciri-ciri intrinsik.
 - C. Kemantapan ciri-ciri formalistik; penurunan / transmisi cara warisan; & saling membezakan ciri-ciri yang asal dan yang disadur.
 - D. Kemantapan bahasa yang digunakan; penurunan / transmisi melalui waris terdekat; & saling membezakan ciri-ciri bentuk.
7. Tradisi Epik dalam tamadun Yunani purba mengandungi kisah-kisah tentang:
- A. Wira-wira terpilih yang menegakkan maruah bangsanya melalui perjuangan.
 - B. Wira-wira bangsa terpilih yang berjaya menegakkan sesuatu ajaran moral.
 - C. Wira-wira terpilih yang secara *solo* berjaya menewaskan musuh bangsanya .
 - D. Wira-wira bangsa yang berjaya menewaskan musuh dalam semua keadaan.

8. Karya-karya Epik dari tamadun Romawi klasik memperlihatkan ciri-ciri penulisan seperti berikut:
- A. Bahasa indah berunsur kuddus; tokoh dari alam kayangan; mesej yang halus.
 - B. Bahasa puisi yang indah; gambaran tokoh yang hebat; dan mesej yang bernas
 - C. Bahasa indah lagi berirama; tokoh dari dua alam; dan berpengajaran agama.
 - D. Bahasa puitis tahap tinggi; tokoh dari alam dewata; dan pengajaran moral.
9. Puisi pada zaman Klasik Yunani memperlihatkan ciri-ciri seperti berikut:
- A. Gaya bahasa berirama; ilham dari sumber kuddus; ada pengajaran moralistik.
 - B. Gaya bahasa tahap tinggi; berentak irama; dan mesejnya bernas.
 - C. Gaya bahasa berirama; ilham dari sumber bangsawan; ada pengajaran baik.
 - D. Gaya bahasa tahap tinggi; rima agak terkawal; dan pemikiran bersepadu.
10. Dalam zaman Klasik Yunani, *genre* Puisi Lirikal digunakan dalam konteks:
- A. Upacara pemujaan / pujian terhadap tokoh-tokoh golongan bangsawan.
 - B. Upacara pemujaan / pujian terhadap tokoh-tokoh masyarakat setempat.
 - C. Upacara pemujaan / pujian terhadap tokoh-tokoh tertentu / terpilih.
 - D. Upacara pemujaan / pujian terhadap tokoh-tokoh wira yang sudah mati.
11. Dalam zaman Klasik Yunani, *genre* Epik dianggap penting oleh kerana:
- A. Di dalamnya terakam peristiwa dan perjuangan para wira dari golongan bangsawan yang berjaya memimpin golongan rakyat sezaman.
 - B. Di dalamnya terakam pergolakan dan perjuangan penting melibatkan wira, wirawati dan rakyat jelata dari sesebuah tamadun.
 - C. Di dalamnya terakam peristiwa dan pergolakan penting melibatkan wira-wira yang mewakili sesuatu bangsa dan nilai-nilai murninya.
 - D. Di dalamnya terakam pergolakan dan perjuangan semua lapisan masyarakat dari sesebuah negara kota atau tamadun silam.

12. Dalam zaman Klasik Yunani, *genre* Drama dianggap penting dan diberikan penilaian yang tinggi. Ini kerana *genre* tersebut:
- A. Merupakan bahan seni gerak yang meniru-niru gerak-aksi dewata mereka.
 - B. Merupakan bahan seni yang dipersembahkan dalam perayaan tahunan.
 - C. Merupakan bahan seni yang dijadikan persembahan kepada dewata mereka.
 - D. Merupakan seni gerak dan seni muzik yang dipersembahkan secara berkala
13. Dalam zaman tradisional atau klasik, terutamanya di kalangan masyarakat *pre-literate*, kedudukan seseorang Seniman ditentukan oleh faktor-faktor seperti berikut:
- A. Sambutan rakyat jelata; nilai golongan bangsawan; keluasan pengalamannya; kehalusan bahasa dan seninya.
 - B. Sambutan pihak audiens ; nilai pihak penaung; keluasan *repertoire*-nya; kehalusan seni yang diwarisinya.
 - C. Sambutan golongan bangsawan; nilai khalayak / audiens; keluasan *repertoire*-nya; keupayaannya menglipur jiwa yang dukalara .
 - D. Sambutan rakyat jelata; nilai golongan pemerintah; kemantapan pengalamannya; keupayaannya untuk menghibur.
14. Para sarjana menganggap bahawa Cerpen moden mempunyai persamaan dengan *Novella*. Ini diasaskan kepada perhitungan-perhitungan berikut:
- A. Adanya cerita rekaan; bentuknya sederhana panjang; penulisan populer pada Zaman Pertengahan di Eropah yang diteruskan ke zaman terkemudian.
 - B. Adanya naratif; bentuknya yang tidak terlalu panjang; bentuk penulisan Zaman *Renaissance* di Eropah yang dipopulerkan semula supaya tidak pupus.
 - C. Adanya cerita pendek; bentuknya berbingkai; bentuk penulisan yang digemari pada Zaman Pra-Moden Eropah Timur dihidupkan semula.
 - D. Adanya cerita rekaan; bentuknya tidak berapa pendek; bentuk penulisan Zaman Pra-Moden di Eropah yang dipopulerkan semula dalam zaman Moden.

15. Pada *genre* Cerpen terdapat unsur-unsur 'struktural' atau *formal* yang memberikan 'identiti' *genre* kepadanya. Ini terdiri daripada:
- A. Bentuk keseluruhan yang padat; bahasa naratif yang menarik; coretan peristiwa daripada kehidupan; rangsangan kognitif / emotif ke atas pembaca.
 - B. Bentuk keseluruhan yang sederhana pendek; bahasa yang kontemporari; coretan peristiwa daripada kehidupan; rangsangan ke atas pemikiran pembaca.
 - C. Bentuk keseluruhan yang terkawal; bahasa naratif baku; coretan kisah berasaskan khayalan; emosi penulis sebagai bahan rangsangan utama.
 - D. Bentuk keseluruhan yang ekonomis; bahasa naratif baku; coretan kisah benar berasaskan pemerhatian; emosi penulis sebagai bahan rangsangan.
16. Dalam zaman moden, sesebuah karya sastera paling minimumnya perlu mengandungi ciri-ciri seperti berikut:
- A. Naratif tersusun; watak-watak proaktif; bahasa kontemporari; mesej tersurat.
 - B. Naratif tersusun; watak-watak realistik; bahasa yang segar; mesej tersirat.
 - C. Cerita menarik; aksi watak-watak; daya penarik intrinsik; pemikiran tersirat.
 - D. Cerita menarik; watak-watak menarik; bahasa menarik; mesej yang jelas.
17. *Genre* yang dikenali sebagai *Novella* memperlihatkan perkara-perkara berikut:
- A. Adanya naratif; bentuk tidak berbingkai; bentuk digemari di Itali dan Perancis (*Zaman Renaissance*) yang mulai pupus dalam abad ke-19.
 - B. Adanya cerita; tidak terlalu panjang; bentuk digemari di Itali dan Perancis (*Zaman Pertengahan*) yang meluas ke seluruh Eropah hingga ke abad ke-19.
 - C. Adanya cerita pendek; bentuk berbingkai; bentuk digemari di Eropah Timur (*Zaman Pertengahan*) yang meluas ke Eropah Barat selepas itu.
 - D. Adanya cerita pendek; bentuk tidak berbingkai; bentuk digemari di Eropah Barat (*Zaman Renaissance*) tetapi tidak berkembang selepas itu.

18. Kemunculan *genre* Cerpen dalam kurun ke-19 di Barat boleh dihubungkan dengan sama ada karya-karya atau tokoh-tokoh penulis seperti berikut:
- A. *The Decameron, The Canterbury Tales, Le Morte De Arthur, Troilus & Criseyde, dan Gargantua.*
 - B. Sir Arthur Conan Doyle, William James, Robert Penn Warren, Ernest Hemingway, Boris Pasternak, Maxim Gorky, Andre Malraux, Norman Mailer, Truman Capote, & Franz Kafka.
 - C. *The Spy, The Pioneers, The Deerslayer, The Last of the Mohicans, dan The Scarlet Letter.*
 - D. Sir Walter Scott, Washington Irving, Nathaniel Hawthorn, Edgar Allan Poe, Honore de Balzac, Theophile Gautier, Alfred de Musset, Guy de Maupassant, Anton Chekhov, & E.T.A. Hoffmann.
19. Clara Reeve, seorang sarjana, menganggap bahawa pertumbuhan Novel berhubung kait dengan *genre* yang sedia wujud sebelumnya. Justeru itu, Novel dikatakan bertitik tolak daripada:
- A. *Fables and Folktales*
 - B. *Fabliau and Romance Tales*
 - C. *Humourous and Didactic Tales*
 - D. *Tales of Knighthood and Valour*
20. Dalam konteks sejarah Kesusasteraan Inggeris dan Eropah, Novel terawal dalam Bahasa Inggeris ialah:
- A. *Pamela (or Virtue Rewarded)* oleh Samuel Richardson.
 - B. *Pilgrim's Progress* oleh John Bunyan.
 - C. *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe.
 - D. *Gulliver's Travels* oleh Jonathan Swift.
21. Dalam konteks sejarah Kesusasteraan Inggeris, novel berjudul *Robinson Crusoe* oleh Daniel Defoe dianggap istimewa oleh kerana:
- A. Persoalan dan tema yang istimewa sehingga mencetuskan polemik berterusan.
 - B. Persoalan dan tema yang berunsur sindiran sehingga lahir polemik ilmiah.
 - C. Latar tempat dan masa yang diilhami oleh kajian-kajian antropologikal.
 - D. Latar tempat dan masa yang luarbiasa sehingga mirip kepada ciri epik.

22. Bentuk atau *genre* Novel dikira menjadi suatu realiti di Amerika Utara dengan terbitnya karya-karya berikut:
- A. *Wieland* (1798) dan *Arthur Mervyn* (1799) oleh Charles Brockden Brown.
 - B. *The Spy* (1821) dan *The Pioneers* (1823) oleh James Fenimore Cooper.
 - C. *Scarlet Letter* oleh Nathaniel Hawthorn (1850), dan *Moby Dick* oleh Herman Melville (1851).
 - D. *The Adventures of Tom Sawyer* (1876) dan *The Adventures of Huckleberry Finn* (1884) oleh Mark Twain.
23. Menurut Ian Watt, keistimewaan *genre* Novel terletak pada kewujudan unsur-unsur seperti berikut:
- A. Gaya penyampaiannya; rakamannya tentang pengalaman terpilih manusia; realisme yang mendominasi imaginasi.
 - B. Susun atur peristiwa yang meyakinkan; tingkahlaku watak-watak yang realistik; gaya bahasa yang segar dan menarik.
 - C. Gaya penceritaannya; rakamannya tentang pelbagai corak pengalaman manusia; realisme yang disulami dengan imaginasi.
 - D. Struktur plotnya yang mantap; persoalan-persoalannya yang kontemporari ; kreativiti pengarangnya yang unik.
24. Dalam memberikan takrifan Novel, C. Hugh Holmann (1972) menekankan kewujudan ciri-ciri seperti berikut:
- A. Adanya naratif yang penuh realisme; pencerminan realiti kehidupan secara halus; tindak-tanduk manusia yang penuh motivasi dalam memburu hidupnya.
 - B. Adanya naratif yang penuh imaginasi; pencerminan kehidupan sehampir realiti; tindak-tanduk manusia yang *significant*, bermotivasi dan bertujuan.
 - C. Adanya penceritaan yang *fictional*; pencerminan kehidupan / pengalaman; gambaran tindak-tanduk manusia yang *significant* dalam konteks dunianya.
 - D. Adanya cerita yang *fictitious*; pencerminan sebahagian daripada pengalaman; gambaran tingkahlaku manusia yang agak realistik dalam dunia rekaan.
25. Dalam konteks sejarah Kesusasteraan Inggeris, novel berjudul *Tom Jones* (1749) oleh Henry Fielding dianggap istimewa kerana:
- A. Adanya penampilan watak yang diperbulatkan dan dialog yang menarik
 - B. Adanya unsur sindiran dan persoalan yang mendahului zamannya.
 - C. Adanya perwatakan yang serba kompleks dan teknik-teknik istimewa.
 - D. Adanya struktur plot yang canggih dan pencerminan kehidupan sezaman.

26. Dalam penelitian karya sastra secara umum, istilah 'metafora' merujuk kepada:
- A. Satu bentuk bahasa kiasan di mana kata-kata yang digunakan ada hubungan secara *literal* dengan perkara yang hendak diperkatakan, dan kerana itu jelas memberi kiasan kepada perkara yang dibayangkan itu.
 - B. Satu cara menggunakan bahasa secara figuratif, di mana perkara yang hendak dikiaskan itu terbayang secara tersirat dalam kata-katanya, dan dengan itu membantu kita dalam menanggapi perkara yang diperkatakan.
 - C. Satu cara menggunakan bahasa secara figuratif, di mana perkara yang hendak dikiaskan tidak terbayang secara langsung dalam kata-katanya, tetapi kita tetap mengetahuinya, dibantu oleh kebiasaan atau kelaziman kita berbahasa.
 - D. Satu bentuk bahasa kiasan di mana figura bahasa yang digunakan tidak ada kaitan yang *literal* dengan perkara yang hendak diperkatakan, namun begitu tetap memberi bayangan atau kiasan kepada perkara yang dimaksudkan itu.
27. Pendekatan Intrinsik dalam analisis karya sastra bermaksud:
- A. Menganalisis karya sastra dengan memulakan proses dari unsur-unsur dalaman yang 'mandiri' dan kemudian menuju ke arah unsur-unsur luaran.
 - B. Mendekati karya sastra semata-mata berdasarkan minat terhadap intisari ceritanya, tanpa menghiraukan unsur-unsur luaran.
 - C. Menganalisis karya sastra dengan mengutamakan unsur-unsur dalaman yang 'intisari' kepada poses binaannya, sambil mengenali juga si pengarang.
 - D. Mendekati karya sastra semata-mata berdasarkan minat terhadap intisari pemikiran atau mesejnya, tanpa menghiraukan unsur-unsur luaran.
28. Pendekatan Ekstrinsik dalam analisis karya sastra bermaksud:
- A. Menganalisis karya sastra dengan menghubung-kaitkan unsur-unsur kemasyarakatan atau kontekstual dengan semua unsur dalaman pada karya.
 - B. Mendekati karya sastra dengan mengutamakan unsur-unsur luaran dan jika benar-benar perlu, barulah dihubung-kaitkan dengan unsur-unsur dalaman.
 - C. Menganalisis karya sastra dengan menghubung-kaitkan unsur-unsur relevan yang di luar karya dengan unsur-unsur dalaman yang penting.
 - D. Mendekati karya sastra dengan tidak mementingkan unsur-unsur dalaman kerana diandaikan pengarang telah dirangsang oleh unsur-unsur luaran.

29. Dalam penelitian karya sastra secara umum, istilah 'simbol' merujuk kepada:
- A. Sesuatu unsur bahasa yang pada hakikatnya tidak mempunyai ciri dan makna yang istimewa, tetapi melalui hubungkaitnya dengan unsur-unsur lain dalam bahasa berkenaan, unsur tersebut memperoleh makna lain yang istimewa, selaras dengan pengertian umum yang diterima masyarakat.
 - B. Sesuatu unsur bahasa yang pada hakikatnya mempunyai ciri dan maknanya yang tersendiri, tetapi melalui hubungkaitnya dengan unsur-unsur bahasa yang lain, unsur tersebut diberikan referensi lain dan memperoleh makna yang lain pula, sama ada sedia diterima umum atau pun baru sahaja direka.
 - C. Sesuatu unsur bahasa yang pada hakikatnya tidak mempunyai ciri dan makna yang berlapis-lapis, tetapi melalui hubungkaitnya dengan unsur-unsur lain bahasa berkenaan, unsur tersebut memperoleh makna lain yang istimewa, yang tidak semestinya selaras dengan pengertian yang diterima masyarakat.
 - D. Sesuatu unsur bahasa yang tersedia mempunyai ciri-ciri dan maknanya yang pelbagai, dan melalui hubungkaitnya dengan unsur-unsur bahasa yang lain, unsur yang diberikan referensi itu akan mengalami percambahan makna, sama ada ianya sedia diterima umum atau pun baru sahaja direka.
30. Biografi merupakan salah satu daripada *genre* penulisan separa-kreatif yang amat berguna kepada seseorang pengkaji; ini kerana perhitungan berikut:
- A. Biografi memberikan fakta yang tidak boleh dipertikaikan tentang beberapa aspek tokoh sasterawan atau karya yang dikaji.
 - B. Biografi menyokong beberapa andaian atau tanggapan yang mungkin dibuat pada awalnya sebagai hipotesis oleh seseorang pengkaji karya sastra.
 - C. Biografi memberikan fakta tulen dan penjelasan tambahan kepada beberapa aspek tokoh sasterawan atau karya yang dikaji.
 - D. Biografi boleh membantu seseorang pengkaji karya sastra mengenali secara dekat tokoh yang dikajinya sekalipun tokoh tersebut telah meninggal dunia.

31. Wellek dan Warren menganggap bahawa Disiplin Kesusasteraan memerlukan juga penelitian bercorak 'sejarah kesusasteraan'; ini kerana perhitungan berikut:
- A. Sejarah kesusasteraan menggariskan seluruh liku-liku perkembangan sesuatu budaya sastera, dari zaman pra-sejarah, melalui zaman tradisi lisannya, sehinggalah ke zaman modennya.
 - B. Sejarah kesusasteraan memberikan gambaran sejelas mungkin tentang keluasan dan kekayaan sesuatu khazanah sastera dalam sesuatu wilayah atau yang diwarisi oleh sesuatu tamadun, bangsa atau negara.
 - C. Sejarah kesusasteraan memberikan gambaran *factual* tentang keluasan dan kekayaan sesuatu tradisi sastera yang diwarisi oleh sesuatu bangsa, negara, atau wilayah.
 - D. Sejarah kesusasteraan menggariskan seluruh liku-liku perkembangan sesuatu tradisi sastera, dari zaman tradisi lisannya, melalui zaman sastera feudalnya, sehinggalah ke zaman modennya.
32. Teori Ilmu atau *Epistemology* yang *universal* boleh digunakan untuk mengklasifikasikan disiplin Kesusasteraan. Dari sudut Teori Ilmu, Kesusasteraan hanyalah sebuah 'ilmu partikuler' atau 'disiplin ilmiah' dan bukannya Ilmu *Universal* oleh kerana:
- A. Sebagai disiplin yang mengkaji hasil karya cetus daya kreatif manusia, Kesusasteraan cuba memperjelaskan Realiti yang ada di sebalik karya, tetapi penemuan tersebut masih dapat disanggah.
 - B. Sebagai bidang ilmiah yang mengkaji hasil karya cetus daya kreatif manusia, Kesusasteraan sentiasa memperjelaskan Pengajaran bernas yang ada, tetapi ahli-ahli Ilmu Agama tidak sentiasa dapat menerimanya.
 - C. Sebagai bidang ilmiah yang mengkaji hasil karya cetus daya kreatif manusia, Kesusasteraan cuba memperjelaskan Kebenaran di sebalik karya, tetapi sesetengah Penemuan Saintifik mendedahkannya sebagai Khayalan.
 - D. Sebagai disiplin yang mengkaji hasil karya cetus daya kreatif manusia, Kesusasteraan dapat memperjelaskan pengajaran yang ada, tetapi tidak semestinya membawa Pengetahuan tersebut ke arah mengenali Kebenaran hakiki.

33. Analisis karya sastra yang menggunakan pendekatan 'sosiologi sastra' lazimnya menekankan beberapa perkara. Di antaranya ialah:
- A. Penggunaan teori dan pendekatan yang diilhami oleh bidang sosiologi; mencari keselarian di antara fenomena kemasyarakatan dan fenomena seni; menilai ketepatan fakta sosio-politik yang diterapkan ke dalam karya-karya kreatif menurut periodnya.
 - B. Pengenal pastian unsur dalam karya yang merupakan coretan realiti; mencari kesejajaran di antara unsur dalaman dengan fenomena sebenar di luar karya; menilai penggunaan peristiwa kemasyarakatan sebagai bahan naratif penting.
 - C. Penggunaan konsep-konsep daripada sosiologi; mencari keselarian di antara audiens dalam masyarakat dan watak-watak utama karya; menilai ketepatan fakta sosio-politik yang diterapkan ke dalam karya-karya kreatif mutakhir.
 - D. Pengenal pastian unsur dalaman yang mirip kepada realiti; mencari korelasi tepat di antara unsur dalaman dengan fenomena kemasyarakatan di luar karya; menilai penggunaan fakta biografikal sebagai bahan naratif yang menarik.
34. Kritikan atau analisis karya sastra menurut pendekatan 'psikologi sastra' dibolehkan sekiranya karya berkenaan memiliki beberapa ciri penting. Di antara ciri-ciri tersebut ialah:
- A. Watak-watak yang dikomplekskan oleh unsur-unsur tertentu; pemikiran pengarang yang cenderung kepada masalah kejiwaan; keselarian di antara kompleksiti pemikiran pengarang dengan dimensi kejiwaan watak-watak.
 - B. Watak-watak yang diperkembangkan dan diperbulatkan; pemikiran pengarang yang mencerminkan kompleksitinya; keselarian di antara aspek-aspek kejiwaan pengarang dengan dimensi kejiwaan watak-watak rekaannya.
 - C. Watak-watak yang diperkembangkan atau diperbulatkan; dimensi dalaman watak-watak yang 'bermasalah' cerminkan masalah kejiwaan yang lazim; watak-watak kadang kala direka sebagai *alter ego* bagi diri dan emosi pengarang.
 - D. Watak-watak yang diperkembangkan tanpa diperbulatkan; pemikiran pengarang yang cukup kompleks; korelasi tepat di antara masalah kejiwaan pengarang yang kompleks dengan dimensi kejiwaan watak-watak rekaannya.

35. Menurut ramai sarjana di institusi pengajian tinggi, perkembangan dan keutuhan Kesusasteraan sebagai Disiplin atau Bidang Ilmiah dalam zaman moden banyak bergantung kepada faktor-faktor seperti berikut:
- i. Adanya khazanah yang diwarisi
 - ii. Adanya himpunan teori yang canggih;
 - iii. Adanya daya penarik yang positif;
 - iv. Kekuatan intelek penggiatnya;
 - v. Kesegaran khazanah yang dikaji;
 - vi. Kesepaduan teori dan kaedah;
 - vii. Kekuasaan penaungnya.

[Pilihan Jawapannya bersambung di mukasurat berikut]

Jawapan yang paling tepat ialah:

- A. i, ii, iii & iv.
 - B. ii, iii, iv, vi & vii.
 - C. i, iii, iv, v, vi & vii.
 - D. Kesemua faktor yang disenaraikan.
36. Shahnnon Ahmad ialah Penulis dan *Sasterawan Negara* Malaysia yang cukup dikenali umum. Dalam menjelaskan "proses kreatif" atau "gubahan" bagi *genre* Novel, beliau menekankan tentang faktor-faktor berikut:
- i. Pengalaman penulis sendiri yang boleh dijadikan iktibar;
 - ii. Realiti dan kepahitan hidup yang benar-benar dilalui;
 - iii. Tanggapan kritis terhadap 'rencaman hidup';
 - iv. Penerapan 'perasaan seni' seseorang seniman;
 - v. Imajinasi yang sentiasa dengan kematangan penulis;
 - vi. Khayalan yang tidak melampaui batas-batas realiti saintifik;
 - vii. Gaya penyampaian yang kreatif lagi menarik.

Jawapan yang paling tepat ialah kombinas faktor-faktor berikut:

- A. i, iii, v & vii.
- B. iii, iv, v & vii.
- C. ii, iv, v & vi.
- D. i, iv, v & vi.

37. Dalam amalan Disiplin Kesusasteraan pada zaman moden, Teori dan Kritikan Sastera lazimnya dipertemukan atau saling diajarkan. Ini kerana perhitungan-perhitungan berikut:
- i. Teori Sastera muncul dahulu, kemudian diikuti oleh Kritikan Sastera;
 - ii. Kritikan Sastera ialah *sub-discipline* yang tidak praktik tanpa Teori;
 - iii. Teori Sastera memberi 'asas ilmu' kepada Disiplin Kesusasteraan;
 - iv. Kritikan Sastera memberikan pengiktirafan dan *glamour* sewajarnya;
 - v. Teori Sastera sentiasa menjadi pemandu kepada ahli Kritik Sastera;
 - vi. Kritikan Sastera membuka 'arena komunikasi' bagi Disiplin Kesusasteraan;
 - vii. Teori memberikan suatu kecanggihan kepada Kritikan Sastera yang popular.

Jawapan yang paling tepat ialah kombinasi faktor-faktor berikut:

- A. i, ii, iii & iv.
 - B. ii, iii, v, & vi.
 - C. i, iii, v & vii.
 - D. iii, v, vi, & vii.
38. Salah satu jenis atau *genre* penulisan yang telah lama wujud dalam dunia kesusasteraan, tetapi agak kurang diberikan perhatian oleh khalayak pembaca, ialah Autobiografi atau *Memoir*. Di antara ciri-ciri utama *genre* ini ialah:
- i. Karya tersebut ditulis oleh pengarangnya sendiri tanpa nama samaran;
 - ii. Penulisannya dicetuskan / didorongi oleh permintaan khalayak pembaca;
 - iii. Biodata penulis, sebagai bahan mentah, diambil sepenuhnya;
 - iv. Fakta terpilih diambil daripada latar belakang si penulis;
 - v. Diambil aspek-aspek terpenting daripada kehidupan dan masyarakat;
 - vi. Ada perkara-perkara (fakta) yang 'difiksyenkan' atas sebab-sebab tertentu;
 - vii. Penulisannya ditaja atau dinaungi oleh sesebuah Badan Penerbitan.

Jawapan yang paling tepat ialah kombinasi berikut:

- A. i, iv, v, & vi
- B. ii, iii, v & vi
- C. ii, iv, vi & vii
- D. i, iii, v & vii

39. Dalam 'dunia moden' -- atau disebut sebagai 'dunia pasca moden' semenjak kita memasuki kurun ke-21 Masehi ini -- Kesusasteraan sebagai satu Disiplin Ilmiah semakin 'tercabar' dan 'terpinggir' dalam konteks sesebuah negara amnya dan sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) khususnya. Di antara faktor-faktor yang melahirkan keadaan tersebut ialah:
- i. Minat membaca karya sastera semakin merosot di kalangan masyarakat;
 - ii. Penulis kreatif yang berkaliber semakin berkurangan bilangannya;
 - iii. Pihak Pemerintah lebih menyanjung sumbangan sains dan teknologi;
 - iv. Bahan penulisan kreatif kurang diterbitkan dan kurang diterima umum;
 - v. Pengajian di universiti lebih memihak bidang-bidang *non-sastera*;
 - vi. Golongan Sarjana (Bidang berkenaaan) tidak wujud sebagai *critical mass*;
 - vii. Pihak berwajib kurang menyedari nilai dan sumbangan Kesusasteraan.

Jawapan yang paling tepat ialah kombinasi faktor-faktor berikut:

- A. Kesemua faktor yang disenaraikan.
 - B. i, ii, iii, iv, v & vii.
 - C. ii, iii, v, vi, & vii.
 - D. i, iii, v, & vii.
40. Di negara-negara maju dalam 'zaman moden' ini (atau disebut juga sebagai 'dunia pasca moden' semenjak kita memasuki kurun ke-21 Masehi) seseorang Pengarang (Penulis Profesional mahu pun Sasterawan) boleh 'hidup' hanya dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada satu kerjaya ini oleh kerana terdapat pelbagai faktor, seperti berikut:
- i. Kadar literasi yang tinggi meluaskan tabi'at membaca dalam masyarakat;
 - ii. Kerjaya sebagai Penulis mendapat pengiktirafan masyarakat umum;
 - iii. Penulisan kreatif sentiasa disanjung Penerbit dan banyak dikeluarkan;
 - iv. Khalayak pembaca sentiasa membeli dan menghayati karya-karya asal;
 - v. Penulisan karya sastera dan *non-sastera* sentiasa dibayar *royalty* menarik;
 - vi. Karya asal yang bermutu dibayar *royalty* lumayan yang dirundingkan;
 - vii. *Intellectual property* penulis karya asal dilindungi rapi oleh undang-undang.

Jawapan yang paling tepat ialah kombinasi faktor-faktor berikut:

- A. i, ii, iv, & v.
- B. i, iii, iv & vi.
- C. ii, iv, vi & vii.
- D. Kesemua faktor yang disenaraikan.

Bahagian B (Anda **WAJIB** menjawab SOALAN 2 di Bahagian ini)

SOALAN 2

Tuliskan **catatan** atau **nota ringkas** bagi setiap perkara -- (a) hingga (f) -- di bawah ini. **Gunakan** ruangan bergaris yang disediakan selepas setiap soalan untuk menulis jawapan anda:

- (a) Nyatakan bentuk **nada** dalam petikan puisi berikut (daripada '*Berdiri di Oxford Street ini*' oleh Muhammad Haji Salleh); [Catatan: // = *jeda* di antara baris; /// = *jeda* di antara stanza] :

/// "berdiri di oxford street ini // aku masih melihat // orang-orang dari tanah jajahannya // masih menyembah inggeris // yang beratus tahun menghinanya // berfikir dengan logiknya // hidup dengan nilai-nilainya" ///

(3 markah)

- (b) Dalam sajak '*Salam Perempuan dari Penjara*', Zurinah Hasan menggunakan beberapa perkataan secara simbolik. Jelaskan erti **simbolisme** di sebalik perkataan-perkataan 'perempuan' & 'penjara' yang terdapat pada tajuk sajak; dan 'dirinya' pada perenggan (*stanza*) pertama sajak – iaitu "di sini ia bisa memiliki apa saja / kecuali dirinya sendiri."

(3 markah)

- (c) Dalam sajak '*Salam Perempuan dari Penjara*', Zurinah Hasan menggunakan beberapa perkataan sebagai metafora (*metaphor*). Jelaskan **maksud** yang hendak disampaikan oleh **metafora** yang terdapat pada baris-baris berikut;

[Catatan: // = *jeda* di antara baris; /// = *jeda* di antara stanza] :

/// "...// ...// ...// ...// ...// ...// sebelum **angin petang** turun // ...// ...// ...// sebelum **senja** menyuramkan / **garis-garis** di kaca / **garis-garis di muka**" ///

(3 markah)

- (d) Komen secara ringkas tentang **kesan keindahan / kesan estetika** yang anda perolehi daripada 'teknik taipografi' dalam sajak 'hujan' oleh Latiff Mohidin yang berikut:

"disini :

dikota

: hujan :

adalah bunyi

tintin kosong

berguling

guling

gu

ling"

(3 markah)

- (e) Dalam sajak '*Yang Pasti*' Zurinah Hasan menerapkan unsur-unsur pemikiran yang halus dan tinggi tahapnya. Huraikan tentang **pemikiran** yang terdapat dalam petikan baris-baris puisi tersebut; [Catatan: // = *jeda* di antara baris; /// = *jeda* di antara stanza]:

/// "kerana kadang-kadang bila terlalu mahu memasti // orang jadi semakin ragu // terlalu berbicara dan banyak menganalisa // orang jadi semakin tidak tahu // Aku mungkin kurang pasti // tentang apa yang telah kukatakan // tapi yang pasti // kita tidak perlu terlalu pasti" ///

(4 markah)

- (f) Merujuk kepada sajak '*Bagaimana Kalau...*' oleh Usman Awang (yang dibincang dalam Modul tentang Puisi), jelaskan tentang **kesatuan fikiran** dan **nada** yang terdapat di dalam puisi tersebut:

(4 markah)

Bahagian C

Pilih dan jawab SATU soalan sahaja. **Gunakan ruangan bergaris** yang disediakan di halaman-halaman yang berikut.

SOALAN 3

Watak-watak utama dalam novel Wi dan William amat berkontras antara satu sama lain dan justeru itu membantu ke arah memperjelaskan lagi konflik-konflik dan persoalan-persoalan yang terdapat dalam karya. Bincangkan.

(30 markah)

SOALAN 4

Novel Sutan Baginda, menerusi perkembangan dan tingkahlaku watak-watak utamanya, telah menggarap persoalan-persoalan penting yang bersifat 'moral'. Bincangkan.

(30 markah)

